



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KARNIVAL UNITI PESTA BOLA MERDEKA KUALA LUMPUR 2023 WADAH SEMARAK PERPADUAN

PUTRAJAYA, 27 September 2023 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah melancarkan Karnival Uniti Pesta Bola Merdeka Kuala Lumpur 2023 pada hari ini dengan **kerjasama strategik Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)**. Penganjuran karnival ini adalah bersempena dengan kejohanan Pesta Bola Merdeka Kuala Lumpur 2023 di Stadium Nasional Bukit Jalil yang julung-julung kalinya diadakan bermula 13 hingga 17 Oktober 2023.

Dua (2) acara awal akan dipertandingkan bagi mempromosikan kehangatan Pesta Bola Merdeka Kuala Lumpur 2023 ini iaitu perlawanan bola sepak kategori kanak-kanak pada 30 september 2023 dan 1 Oktober 2023 di Stadium MPAJ, Selangor dan perlawanan bola sepak amal bersama lagenda bola sepak negara dan selebriti pada 7 Oktober 2023 di Stadium KLFA, Cheras.

Mengangkat **tema ‘Bola Sepak Menyatukan Kita’** dengan menjadikan karnival ini **sebagai salah satu platform dalam menyatupadukan masyarakat Malaysia**. Selain itu, ia turut memberi ruang dan peluang kepada seluruh masyarakat untuk hadir bersama-sama memeriahkan karnival ini dan menjadikan Stadium Nasional Bukit Jalil **sebagai tapak integrasi nasional dan juga khazanah kebanggaan negara**.

Pelbagai aktiviti menarik telah dirancang untuk dilaksanakan sepanjang Karnival Uniti Pesta Bola Merdeka Kuala Lumpur 2023 ini berlangsung, antaranya ialah acara larian, berbasikal, kejohanan penalti, kejohanan bola sepak jalanan, persembahan kebudayaan dan banyak lagi. Sewaktu karnival ini juga, orang ramai turut berpeluang menyertai aktiviti ‘*Stadium Tour*’ sambil merakam kenangan bersama Piala Pesta Bola Merdeka.

Dijangka **lebih 100,000 pengunjung dari seluruh negara akan hadir memeriahkan karnival ini** selama lima (5) hari berlangsung. **Semangat patriotik dan semarak perpaduan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa** pasti jelas kelihatan melalui sokongan kepada pasukan Harimau Malaya dalam dua (2) perlawanan menentang India pada 13 Oktober dan bakal beraksi di perlawanan akhir pada 17 Oktober nanti.

YB Menteri Perpaduan Negara dalam kenyataannya menyatakan bahawa **acara sukan bola sepak merupakan sebahagian daripada identiti kebangsaan** yang dapat membantu **membina perasaan cinta dan kesetiaan kepada negara**. “Malaysia juga telah berjaya menjalankan pelbagai acara sukan yang merangkumi pelbagai sukan popular seperti badminton, hoki, dan lain-lain. Ini **memberikan peluang kepada rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum untuk bersatu dalam semangat kebangsaan,**” ujar YB Datuk Aaron.

Turut berkerjasama dalam menyokong Karnival Uniti Pesta Bola Merdeka Kuala Lumpur 2023 ini iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) serta Perbadanan Stadium Malaysia (PSM). Orang ramai dijemput hadir ke karnival ini serta boleh mendapatkan maklumat tambahan melalui laman sesawang dan laman sosial Kementerian Perpaduan Negara.

Kementerian Perpaduan Negara

27 September 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 (61)